

11 DEC 1998

PRESIDEN TANZANIA DIBERIKAN SAMABUTAN RASMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Presiden Tanzania Benjamin William Mkapa yang tiba di sini hari ini untuk lawatan negara tiga hari diberikan sambutan penuh istiadat di medan Parlimen pagi ini.

Ketibaan Presiden Mkapa yang diiringi isterinya Anna, disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah. Yang turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali serta menteri-menteri kabinet.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara kemudian dimainkan.

Presiden Mkapa yang diiringi Tuanku Ja'afar kemudian memeriksa barisan kehormat 107 pegawai dan tentera Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai Mej Abdul Basit Abdul Rahman.

Selepas majlis sambutan itu, Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah mengiringi Presiden Mkapa dan isteri ke Carcosa Seri Negara dan pulang 10 minit kemudian.

Satu jam selepas itu Presiden Mkapa menerima kunjungan hormat Dr Mahathir.

Rombongan presiden itu termasuk pemangku Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Zakia Meghji, Menteri Kerajaan Tempatan Ali Haji Ali, Menteri Tenaga dan Galian Abdallah Kigoda dan para pegawai kanan kerajaan.

President Mkapa dijadual menghadiri mesyuarat rombongan dengan Perdana Menteri petang ini yang akan memberi tumpuan kepada isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa kepentingan bersama.

-- BERNAMA

NZ RON